



PPAS
PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR

RJU
PUSTAKA RAJA TUN UDA

PELAN STRATEGIK

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR

TAHUN 2022-2026

The mural features several circular callout boxes with text in English, Arabic, and Malay. Some key quotes include:

- "What greater joy than to have a library in one's home?" - Abu Alaa
- "If we are to live in harmony with the world, we must have a library or equivalent in every home." - Abu Alaa
- "Education should not only teach us how to live, but also how to live worthily." - Abu Alaa
- "If there is no book, life is dark; if there is no library, life is blind." - Abu Alaa
- "Reading is to the mind what exercise is to the body." - Abu Alaa
- "Children are like a sponge; soak them in the best kind of water." - Abu Alaa
- "Laughter is the best medicine." - Abu Alaa
- "The best way to find yourself is to lose yourself in the service of others." - Abu Alaa
- "I have not failed. I've just found 10,000 ways that won't work." - Thomas Edison
- "I love Malaysia" and "I ❤️ Selangor"

At the top of the mural, it reads "PUSTAKA RAJA TUN UDA SHAH ALAM" and "فُوستاك راج تون اودا شاه عالم".

ISI

KANDUNGAN

- 01** Perutusan Pengarah
- 02** Latarbelakang
- 03** Ringkasan Eksekutif
- 04** Visi & Misi
- 05** Fungsi
- 06** Punca Kuasa
- 07** Pemegang Taruh & Pelanggan
- 08** Carta Organisasi
- 09** Piagam Pelanggan
- 10** Nilai Bersama
- 11** Analisis Kekuatan, Kelemahan, Peluang dan Ancaman
- 12** Rajah Hala Tuju dan Konsep
- 13** Rangka Kerja dan Pelaksanaan
- 14** Teras Strategik
- 15** Isu dan Cabaran
- 16** Elemen Penentu Kejayaan
- 17** Kajian Semula dan Pemantauan
- 18** Penutup

PERUTUSAN PENGARAH

السَّلَامُ عَلَيْكَ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَّاتُهُ

Marilah kita memanjat kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana atas limpah kurnia dan hidayah-Nya kita masih diberi kesempatan untuk meneruskan kehidupan dan menggalas segala yang telah diamanahkan.

Tahun 2021 telah berlalu, dengan pelbagai peristiwa yang akan sentiasa menjadi lipatan memori bagi Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS).

Terima kasih kepada seluruh warga PPAS yang amanah, telah melaksanakan tugas dengan baik, dan memberi komitmen yang tinggi. Dokumen terakhir bagi Pelan Strategik ialah untuk tahun 2016-2020.

Memandangkan negara mula dilanda pandemik Covid-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mula berkuatkuasa pada 18 Mac 2020, ini telah melibatkan penutupan operasi perkhidmatan PPAS.

Oleh itu, sebahagian dari perancangan lima tahun dibawa ke tahun seterusnya. Mengambil kira situasi getir pandemik COVID-19 dunia, hanya pada awal tahun 2021 PPAS menggubal semula Pelan Strategik 2022-2026.



'Fokus PPAS ialah membantu masyarakat dalam memenuhi dua keperluan yang paling utama: kewangan dan keluarga.'

PERUTUSAN PENGARAH

Walau bagaimanapun, strategi yang telah dirangka sebelum ini akan diteruskan dan diperkasakan dengan penambahbaikan.

Pelan Strategik PPAS 2022-2026 merupakan panduan hala tuju yang akan memandu warga kerja ke arah mencapai matlamat jabatan. Ia merupakan kesinambungan visi dan misi PPAS dengan tumpuan kepada **4 teras strategik** yang dimurnikan dan disesuaikan dengan situasi semasa.

Sebelum ini PPAS membawa konsep Library My Second Home (Perpustakaan Rumah Kedua). Kini setelah hampir 15 tahun, kami **memperbaharui konsep ini, iaitu “Library Brings Happiness” (Perpustakaan Membawa Kegembiraan)**.

Fokus PPAS ialah membantu masyarakat dalam memenuhi dua keperluan yang paling utama: kewangan dan keluarga. Bagi merealisasikan hasrat ini, PPAS akan melaksanakan beberapa penambahbaikan dalam perkhidmatannya, yang antara lain ialah:

- 1) Menyediakan prasana dan kemudahan perpustakaan yang lengkap dan memudahkan pengguna;
- 2) Menyediakan koleksi bahan bacaan yang berkualiti dan terkini untuk keperluan pembelajaran, pekerjaan mahupun perkembangan peribadi;
- 3) Menyediakan ruang dan peluang menjana pendapatan melalui program dan kemudahan yang disediakan, seperti WiFi, bilik mesyuarat, dan bilik perbincangan;
- 4) Memastikan pembayaran yang cepat kepada pembekal dan mempermudahkan segala urusan pentadbiran yang berkaitan.

Sejajar dengan sasaran Kerajaan Negeri, PPAS telah mengambil langkah yang signifikan bagi meningkatkan prestasi, termasuklah menggandakan usaha kolaborasi dan kerjasama antarabangsa, terutamanya dalam keadaan peningkatan desakan disebabkan perubahan lanskap sosiopolitik dan ketidaktentuan ekonomi.

Rancangan penyediaan prasarana dan kemudahan-kemudahan di perpustakaan serta program-program yang dijalankan akan memberi kegembiraan kepada masyarakat.

PERUTUSAN PENGARAH

PPAS berhasrat untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanannya di tempat kerja dengan menumpukan kepada pembangunan kemahiran dan kecekapan staf, mengoptimumkan penggunaan aset, memperkasakan perkhidmatan daerah dengan mewujudkan perpustakaan angkat kepada pegawai-pegawai.

PPAS meneruskan pelbagai kerjasama dengan pemain industri, sahabat pepustakaan, organisasi antarabangsa yang terkemuka serta institusi pendidikan lain.

Sememangnya sokongan daripada pemegang taruh (stakeholder) amat diperlukan supaya prasarana dan perkhidmatan perpustakaan akan terus dinaik taraf agar manfaatnya dapat dirasai oleh seluruh lapisan masyarakat, dan **tiada golongan yang tertinggal ataupun tercincir**.


Staf PPAS akan berusaha lebih proaktif, menjawai tugas masing-masing sedalamnya dan bersama dengan pengurusan.

Semoga usaha, tenaga, buah fikiran dan kerjasama kita semua dirahmati Allah dan hasilnya memberi manfaat kepada semua lapisan masyarakat, dan diberkati oleh-Nya, bersama kita jayakan.

**Datin Paduka Mastura binti Haji Muhamad, D.S.I.S.
Pengarah
Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor**

LATAR BELAKANG

1971



Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor ditubuhkan melalui pengambilalihan KL Book Club pada 20 Oktober 1971

2005



Sebagai mercu tanda pengisytiharan Selangor Maju, DYMM Sultan Selangor berkenan menganugerahkan sebuah bangunan baharu perpustakaan negeri

2015



Kompleks parkir bertingkat ini mula dibina pada tahun 2015 & beroperasi tahun 2019.

1986



Berpindah ke Shah Alam dan memulakan operasinya pada 16 November 1986

2011




Berpindah ke bangunan baru bertempat di Seksyen 13, Shah Alam.

LATAR BELAKANG



- 1 PERPUSTAKAAN NEGERI
Pustaka Raja Tun Uda,
Shah Alam
- 7 DAERAH
- 4 CAWANGAN
- 12 PEKAN
- 70 DESA PPAS & PNM (16)
- 9 PUSTAKA BERGERAK



RINGKASAN EKSEKUTIF

Pengurusan Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor diketuai oleh :

- Pengarah (Gred S54)
- Timbalan Pengarah (Gred S52)
- 1 Pustakawan (Gred S48)
- 2 Ketua Bahagian Pustakawan (Gred S44)
- 5 Ketua Bahagian (Gred S41/S44)
- 1 Pegawai Tadbir Gred (N41/N44)
- 1 Pegawai Teknologi Maklumat (Gred F41/F44)
- Terdapat 221 Kakitangan Tetap dan 30 Kakitangan Kontrak.

Untuk melaksanakan objektif Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor dengan sepenuhnya dan perkhidmatan perpustakaan dengan cekap dan tepat organisasi dibahagikan kepada **3 seksyen** yang berikut:

1.1 Bahagian-bahagian di bawah Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor

Struktur organisasi Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor terbahagi kepada **3 Aktiviti utama iaitu Aktiviti Pengurusan, Sokongan/Teknikal, Perkhidmatan Pelanggan.**

Dibawah aktiviti ini terdapat 12 Sub-Aktiviti di mana bawahnya terdapat bahagian-bahagian seperti berikut:

a. Aktiviti Pengurusan

i. Sub-Aktiviti Pengurusan

- Khidmatan Pengurusan & Pembangunan Sumber Manusia
- Kualiti
- Kewangan/Aset
- Pembangunan & Penyelenggaraan
- Korporat

b. Aktiviti Sokongan/Teknikal

i. Sub-Aktiviti Sokongan/Teknikal

- Pembangunan dan Perancangan Koleksi
- Pendokumentasian
- Teknologi Maklumat

c. Aktiviti Perkhidmatan Pelanggan

i. Sub-Aktiviti Perkhidmatan Pelanggan

- Perkhidmatan Pelanggan Shah Alam
- Perkhidmatan Rujukan & Penyelidikan
- Perkhidmatan Rangkaian Perpustakaan
- Gerakan Literasi

VISI & MISI



VISI

Menjadi **pusat pembelajaran sepanjang hayat** yang dapat membina **kekuatan spiritual, intelektual dan emosi**.



MISI

1

Memperkaya dan memperkasa masyarakat melalui perkhidmatan perpustakaan yang relevan, mudah capai dan berkualiti tinggi.

2

Membangunkan prasarana perpustakaan yang lengkap, selesa, kondusif serta terkini bagi memenuhi keperluan masyarakat.

3

Merealisasikan sebuah pusat pengumpulan Koleksi Negeri.

4

Membantu Kerajaan Negeri menurunkan kadar jenayah dan gejala sosial.

LOGO

Rekaan Logo adalah **imej unik yang berbentuk manusia** yang sedang **membaca di atas abjad**.

Simbolik figura yang diletakkan pada **huruf "A"** mewakili **orang awam atau ahli perpustakaan**.



Nama **Perpustakaan Raja Tun Uda** telah ditukar kepada **Pustaka Raja Tun Uda**, Shah Alam mulai pada Ogos 2018.



PUSTAKA RAJA TUN UDA

Logo ini adalah atas perkenan pilihan Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Ibni Al Marhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj, Sultan Selangor.

Penggunaan logo ini hanya untuk Pustaka Raja Tun Uda sebagai Perpustakaan Negeri.

SLOGAN, 'TAGLINE & MASKOT

SLOGAN



**Selangkah Ke Perpustakaan,
Sejuta Senyuman
Sekali Klik,
Sejuta Maklumat**

'TAGLINE'

PPAS Rumah Keduaku



PPAS My Second Home

MASKOT

Alif dan Anis

Bermula dari tahun 2009
sehingga kini



FUNGS

01

Menubuhkan, mengurus dan menyelenggara Perpustakaan Awam Negeri dan Perpustakaan-perpustakaan di Daerah.

02

Menyediakan prasarana bagi memudahkan masyarakat **mendapatkan ilmu dan maklumat terkini.**

03

Mengurangkan jurang digital di antara masyarakat Bandar dan luar Bandar

04

Membudayakan masyarakat dengan budaya membaca.

05

Membantu merealisasikan agenda dan wawasan Kerajaan Negeri.

PUNCA KUASA

Dalam melaksanakan fungsinya, PPAS tertakluk kepada peruntukan di bawah:

- Enakmen-enakmen Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor 1968 yang diwartakan di dalam Warta Kerajaan No.5 bertarikh 27 Mac 1969 serta Warta Kerajaan No.7, 1975 (pindaan)
- Polisi dan Peraturan Perpustakaan – dari masa ke semasa.

PEMEGANG TARUH



**Duli Yang Maha Mulia
Sultan Selangor**

**YAB Dato'
Menteri Besar Selangor**

**Ahli Lembaga
Pengarah PPAS**

**Jawantankuasa Pendidikan
Negeri Selangor**

**Ahli Dewan Undangan
Negeri Selangor (ADUN)**

RAKAN STRATEGIK



Jabatan/Agensi Kerajaan



Agensi Swasta



Industri Buku



Badan Berkanun




Anak Syarikat Negeri



Sahabat Perpustakaan

PELANGGAN



CARTA ORGANISASI



PIAGAM PELANGGAN

Piagam Pelanggan diwujudkan bagi menjamin perkhidmatan yang berkualiti, cepat, cekap dan memenuhi kehendak pelanggan.

Pagan Pelanggan PPAS adalah :

1

Memproses permohonan pendaftaran keahlian perpustakaan dalam tempoh dua (2) minit

2

Memastikan urusan pinjaman bahan perpustakaan diselesaikan dalam tempoh lima (5) minit bagi setiap pelanggan kecuali waktu sesak.

3

Memastikan bahan perpustakaan perolehan terkini tersedia di atas rak untuk rujukan pelanggan Shah Alam dalam tempoh dua (2) minggu.

4

Perkhidmatan rujukan bersedia membantu anda untuk mengesan bahan maklumat tidak lebih daripada satu (1) hari.

5

Memberi maklumbalas kepada aduan yang lengkap kepada pengadu dalam tempoh empat belas (14) hari bekerja.

NILAI BERSAMA

**Solat di
awal waktu**



Empati



Penyayang



**Kreatif &
Inovatif**




**Sentiasa
bersyukur**




Amanah




ANALISIS KEKUATAN KELEMAHAN, PELUANG & ANCAMAN






KEKUATAN STRENGTHS

- Ahli Lembaga Pengarah yang perihatin.
- Hampir 70 pusat perkhidmatan telah dinaiktaraf / *re-branding*
- Warga kerja profesional /sokongan dari pelbagai bidang
- Hampir keseluruhan pusat perkhidmatan mempunyai sistem perpustakaan
- Kolaborasi sahabat perpustakaan
- Kemudahan dan fasiliti untuk sewaan
- Sumber perpustakaan terkini dalam pelbagai format – Contoh : e-book
- Koleksi Selangor @Info Hub
- Mewujudkan Unit Komunikasi Kreatif untuk tujuan promosi dan pemasaran




KELEMAHAN WEAKNESS

- Capaian internet yang belum menyeluruh
- Kos Penyelenggaraan yang tidak mencukupi
- Ruang penyimpanan koleksi yang semakin TERHAD
- Kawalan keselamatan yang minima, terutama di perpustakaan re-branding
- Perkembangan teknologi yang pantas
- Persaingan dengan kedai buku yang lebih menarik



PELUANG OPPORTUNITY


- Jalinan kerjasama daripada Agensi dan Jabatan Kerajaan
- Sokongan penuh dari Kerajaan Negeri, Persekutuan dan pihak swasta
- Permintaan tinggi terhadap perkhidmatan perpustakaan daripada Komunit setempat dan ADUN
- Penggunaan platform media sosial yang meningkat.
- Kerjasama yang erat di antara Perpustakaan Awam Negeri-Negeri.
- Lawatan benchmarking




ANCAMAN THREAT

- Pandemik Covid 19 menjelaskan operasi fizikal perkhidmatan perpustakaan.
- Persepsi sebilangan kecil komuniti yang masih tidak menyedari kewujudan perpustakaan.
- Vandalism dikalangan pengguna.

RAJAH 1



RAJAH 2



PPAS
PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR

TRANSFORM LIBRARIES, TRANSFORM SOCIETIES

VISION

WHEN THE LIBRARIES CAN TRANSFORM IN THESE 5 KEY AREAS, WE CAN ALSO HELP SOCIETIES IMPROVE THEIR LIVES IN THE FOLLOWING ASPECTS:

- 1 FINANCIAL
 - Meeting point
 - Human development centre
- 2 CAREER
 - Learning centre
 - Human development centre
- 3 FAMILY
 - Second home
 - Human development centre
- 4 HEALTH
 - Recreational centre
- 5 SPIRITUAL
 - Second home
 - Learning centre

OUR DREAM
Libraries become relevant and significant to people's lives.

- Libraries add values to people's daily lives
- People come to libraries by CHOICE

1 LIBRARY AS A SECOND HOME
Where one finds love, peacefulness and tranquility.

RAJA TUN UDA LIBRARY SHAH ALAM

2 LIBRARY AS A LEARNING CENTRE
Where one finds endless resources for knowledge and information to enrich oneself intellectually, emotionally and spiritually.

#Smart Selangor MOBILE LIBRARY

3 LIBRARY AS A MEETING POINT
Where people meet up to help them gain financial freedom, strengthen social connection, and build collaboration.


4 LIBRARY AS A RECREATIONAL CENTRE
Healthy Body, Healthy Mind
Indoor and outdoor gymnasium

5 LIBRARY AS A HUMAN DEVELOPMENT CENTRE
Where people can rely on the library's various resources and facilities to enhance soft skills and hard skills for career development.

RAJAH 3



RAJAH 4



RANGKA KERJA & PELAKSANAAN

2022

Penggubalan

**2022
2023**

Pelaksanaan

**2024
2025**

Pelaksanaan,
Pemantauan
&
Kajian Semula

2026

Pencapaian



TERAS STRATEGIK

1

Meningkatkan pengurusan kos yang efektif dan berkualiti

2

Memperkuatkan pengurusan sokongan dan teknikal yang cekap, mesra dan berteknologi tinggi.

3

Meningkatkan penyampaian perkhidmatan pelanggan yang mesra dan professional.

4

Memantapkan budaya membaca.

MEMPERKUKUHKAN PENGURUSAN DAN ORGANISASI MELALUI TADBIR URUS YANG BAIK DAN CEKAP

Pengurusan sumber yang cekap dan efektif merupakan aspek yang sangat penting dan sentiasa diberi perhatian. Strategi memperkasakan pengurusan sumber ini dapat direalisasikan dengan mengambil kira aspek pengambilan kakitangan terutama kebijakan, pelan penggantian, sistem pangkalan data kakitangan, latihan, penilaian dan pengiktirafan.

Pembangunan modal insan juga akan diselaras melalui kajian kompetensi, latihan, bengkel-bengkel “team building” yang bersesuaian samada secara dalaman atau luaran. Pengurusan juga berhasrat mewujudkan kakitangan berkemahiran, berintegriti, berinovatif, proaktif, berkarisma, berbudi tinggi, sanggup “extra mile” serta berfikiran analisis dan mempunyai jiwa murni/sentiasa menjaga kebijakan kakitangan di bawah seliaannya.

PPAS juga akan memantapkan pengurusan penyediaan belanjawan kewangan dan aset serta pentadbiran am, disamping memperkuuhkan lagi Pengurusan Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan dengan memastikan peruntukan yang diterima dibelanjakan mengikut program dan jadual yang ditetapkan serta mengamalkan penjimatan dimana perlu.

Manakala Pembangunan perpustakaan akan dilaksanakan secara berperingkat dengan menumpukan lokasi strategik seperti ditaman perumahan, pinggir Bandar dan kawasan-kawasan yang menjadi pesaing perpustakaan. Projek-projek menaiktaraf akan diteruskan supaya komuniti ingat dan selesa disamping menghargai kemudahan yang disediakan.

1

**Memperkuuhkan
perjawatan
dan organisasi**

2

**Membangunkan
kompetensi dan kerjaya
pegawai dan kakitangan**

3

**Memantapkan
pengurusan tadbir urus.**

4

**Memantapkan pengurusan
kualiti dan inovasi
perpustakaan.**

5

**Meningkatkan nilai-nilai
murni dan integriti
warga kerja perpustakaan**

6

**Memantapkan pengurusan
kewangan PPAS
perpustakaan**

7

**Memantapkan prasarana
perpustakaan.**

8

**Memantapkan program
Komunikasi Korporat,
Pengurusan media & publisiti
serta perhubungan pelanggan.**

1

TERAS STRATEGIK

PELAN TINDAKAN

STRATEGI 1

MEMPERKUKUHKAN PERJAWATAN DAN ORGANISASI

PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (Bilangan/ Peratusan)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
Semakan Perjawatan untuk pengukuhan perjawatan PPAS	Masa	100% mengikut Waran Perjawatan	2022 – 2023	Pembangunan Sumber Manusia
Memantau pengisian perjawatan di PPAS (90% Pengisian)	Masa	1 Waran Perjawatan	Setiap tahun	Pembangunan Sumber Manusia
Memantau HRMIS bagi mencapai 100% di setiap modul	Peratusan	100%	Sepanjang tahun	Pembangunan Sumber Manusia
Membuat semakan MyPortfolio di setiap Bahagian & Unit	Peratusan	100%	Setiap tahun	Pembangunan Sumber Manusia
Melantik dan menyerap kakitangan bertaraf kontrak sebagai kakitangan tetap	Bilangan	1 tahun sekali berdasarkan kekosongan	2022–2026	Pembangunan Sumber Manusia
Melaksanakan pusingan kerja sebagai pendedahan & menambah kemahiran	Masa	3 tahun sekali	2022–2026	Pembangunan Sumber Manusia
Menempatkan pegawai-pegawai di Daerah dan Desa sebagai Projek Perpustakaan Angkat	Masa	9 daerah	2023	Pegawai Kumpulan Pengurusan & Professional, serta Penolong Pustakawan Kanan

STRATEGI 2

MEMBANGUNKAN KOMPETENSI DAN KERJAYA PEGAWAI DAN KAKITANGAN

PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (Bilangan/ Peratusan)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
Latihan & kursus kepustakawan, generik & fungsional kepada kakitangan	Bilangan	5 hari setahun	Setiap tahun	Pembangunan Sumber Manusia
Menyediakan latihan berkonsepkan pembangunan modal insan	Bilangan	5 latihan/ perkongsian setahun	Setiap tahun	Pembangunan Sumber Manusia
Menganjurkan latihan & perkongsian kepada Perpustakaan-perpustakaan lain	Masa	1 program/ setahun	2022-2026	Pembangunan Sumber Manusia
Menghantar Pegawai membentangkan kertas Persidangan di Peringkat Kebangsaan	Bilangan	20 pegawai	2022-2026	Pembangunan Sumber Manusia
Menghantar Pegawai membentangkan kertas Persidangan di Peringkat Antarabangsa	Bilangan	10 pegawai	2022-2026	Pembangunan Sumber Manusia
Penyertaan Pegawai & Kakitang ke Persidangan Antarabangsa & Kebangsaan	Bilangan	6 pegawai /antara bangsa 30 pegawai /Kebangsaan	2022-2026	Pembangunan Sumber Manusia
Lawatan penandaaras ke organisasi yang berkaitan	Bilangan	1 /lawatan/ setahun	2022-2026	Pembangunan Sumber Manusia
Meningkatkan potensi dan semangat kakitangan- Menyediakan kebijakan/kemudahan untuk kakitangan dan keluarga	Kemudahan Insurans	Setiap tahun	2022-2026	Khidmat Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia

STRATEGI 3

MEMANTAPKAN PENGURUSAN TADBIR URUS

PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (Bilangan/Peratusan)	TAHUN/TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
---------	-------------------	------------------------------	----------------------	---------------------------

Menyediakan Pelan Sokongan Organisasi

Pelan Strategik PPAS 2022-2026	Bilangan Dokumen	1 Pelan Strategik PPAS	2023	Khidmat Pengurusan
Pelan Strategik Sumber Manusia	Bilangan Dokumen	1 Pelan Strategik Sumber Manusia	2024	Pembangunan Sumber Manusia
Pelan Integriti PPAS	Bilangan Dokumen	1 Pelan Integriti PPAS	2022	Khidmat Pengurusan
Pelan Operasi Latihan	Bilangan Dokumen	1 Pelan Operasi Latihan PPAS	2023	Pembangunan Sumber Manusia
Pelan Anti rasuah	Bilangan Dokumen	1 Pelan Anti rasuah PPAS	2022	Khidmat Pengurusan
Pelan Risiko PPAS 2022-2024	Bilangan Dokumen	1 Pelan Risiko	2022	Jawatankuasa Kualiti
Pemurnian semula semua Polisi dan Dasar Perpustakaan	Bilangan Dokumen	3 Dokumen setahun	2023-2026	Khidmat Pengurusan

STRATEGI 4

MEMANTAPKAN PENGURUSAN KUALITI DAN INOVASI

PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (Bilangan/ Peratusan)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
Persijilan EKSA	Penyediaan Dokumen	1 Dokumen EKSA	2023	Jawatankuasa Kualiti – Pengurus Dokumen
	Audit Dalam EKSA	1 Pengauditan	2024	Jawatankuasa Kualiti / Pasukan Audit Dalaman
	Pensijilan EKSA	0 Ketidakpatuhan	2025	Jawatankuasa Kualiti
Persijilan MS ISO 9001 : 2015	Pemurnian Dokumen	1 Dokumen	2023	Jawatankuasa Kualiti – Pengurus Dokumen
	Audit Dalam	1 Pengauditan	2024	Jawatankuasa Kualiti / Pasukan Audit Dalaman
	Pensijilan MS ISO	0 Ketidakpatuhan	2024	Jawatankuasa Kualiti
Pengauditan Pengurusan Pejabat	Indeks Penarafan Bintang	85% keatas	Setiap dua tahun	Semua bahagian
Penyertaan Petandingan Inovasi	Bilangan	Sekurang-kurangnya 1 penyertaan	Dua tahun sekali	Korporat

STRATEGI 5

MENINGKATKAN NILAI-NILAI MURNI DAN INTEGRITI WARGA KERJA

PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (Bilangan/ Peratusan)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
Program penghayatan dan kesedaran integriti warga kerja	Masa	1 kali setahun	2022 - 2026	Pembangunan Sumber Manusia
Program Qurantime warga kerja- Baca & terjemah	Masa	5 hari seminggu	2022 -2023	Pembangunan Sumber Manusia
Program pemulihan dan kesedaran yang efektif	Masa	Mengurangkan liabiliti kakitangan bermasalah dalam organisasi	2022-2026	Pembangunan Sumber Manusia
Menerbitkan buku etika kerja	Bilangan penerbitan	1 buku	2023- 2027	Unit Penerbitan

STRATEGI 6

MEMANTAPKAN PENGURUSAN KEWANGAN PPAS

PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (Bilangan/ Peratusan)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
Memperoleh Sijil Bersih Penyata Kewangan dari Ketua Audit Negara	Masa Bilangan	1 tahun sekali	2022 – 2026	Kewangan
Pemantauan bagi persediaan pemeriksaan audit	Masa Bilangan	1 tahun sekali	2022 – 2026	
Audit Penyata Kewangan		1 tahun sekali sijil bersih	2022 – 2026	
Audit Dalaman		3 tahun sekali 0 NCR	2022 – 2026	
Audit Mengejut	Masa	Tidak ditentukan	2022 – 2026	Kewangan
Audit Perpustakaan Negara		masa< dari 5 NCR< 5 NCR	2022 – 2026	
Pelupusan aset untuk perpustakaan yang dinaik taraf	Masa / Bilangan	Bergantung pada bilangan perpustakaan dinaiktaraf	2022 – 2026	Unit Aset

STRATEGI 7

MEMANTAPKAN PRASARANA PERPUSTAKAAN

PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (Bilangan/ Peratusan)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
Membinabaru : Projek RATU FASA 2B	Masa	1 projek	2022	Pembangunan
Membinabaru : Perp. Daerah Sepang	Masa	1 projek	2022	Pembangunan
Menaiktaraf : (projek sambungan) Perp. Daerah Kuala Langat Perp. Daerah Hulu Selangor Perp. Daerah Hulu Langat Perp. Daerah Sabak Bernam	Masa	4 projek	2019 2019 2020 2022	Pembangunan
Menaiktaraf Perp. Daerah: (projek baru) Perp. Daerah Kuala Selangor Perp. Daerah Klang	Masa	2 projek	2022 2022	Pembangunan
Menaiktaraf Perp. Cawangan : (projek sambungan) Perp.Caw Tg Karang	Masa	1 projek	2017	Pembangunan
Menaiktaraf Perp. Cawangan : (projek baru) Perp. Pelabuhan Klang 1 buah perp. cawangan 2024 1 buah perp. cawangan 2025	Masa	3 projek	2022 2024 2025	Pembangunan
Menaiktaraf Perp. Pekan : Perp. Semenyih Perp. Kg Laksamana 1 buah perp. pekan 2024 1 buah perp. pekan 2025	Masa	4 projek	2022 2022 2024 2025	Pembangunan
Menaiktaraf Perp. Desa : 3 buah perp. desa 2021 2 buah perp. desa 2022 6 buah perp. desa 2023 4 buah perp. desa 2024 4 buah perp. desa 2025	Masa	19 projek	2021 2022 2023 2024 2025	Pembangunan
Memperluas Rangkaian Perp. : 1 buah Pustaka Bergerak 1 buah Projek Usahasama Bersama Agensi : Perp. Ulu Klang 1 buah perp. Dataran Prima 1 buah Projek Usahama Bersama Agensi 2024 1 buah Projek Usahasama Bersama Agensi 2025	Masa	5 projek	2021 2022 2023 2024 2025	Pembangunan
Membinabaru Perp. Desa : Perp. Puchong Indah Perp. Taman Seri Medan	Masa	2 projek	2022 2021	Pembangunan

STRATEGI 8

MEMANTAPKAN PROGRAM KOMUNIKASI KORPORAT, PENGURUSAN MEDIA DAN PUBLISITI SERTA PERHUBUNGAN PELANGGAN PPAS

PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (Bilangan/ Peratusan)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
Menyelaras penerbitan dan bahan cetakan seperti laporan tahunan, brosur dan liputan bergambar bagi tujuan hebahan	Masa / Jumlah	1 Terbitan / 1 Tahun	2022 - 2026	Bahagian Korporat & Komunikasi Kreatif
Engagement dengan jabatan/agensi/pihak korporat/swasta bagi sumbangan dana	Bilangan	1 badan / 1 tahun	2022 - 2026	Bahagian Korporat
Penganjuran Majlis rasmi	Bilangan	3 Perasmian Program 1 Perasmian Perpustakaan	2022 - 2026	Bahagian Korporat
Penyaluran maklumat yang benar melalui pelbagai alternatif	Bilangan medium	Sekurang-kurangnya 3 media saluran	2022 - 2026	Bahagian Korporat
Penghasilan video/montaj korporat	Bilangan	1 video/tahun	2022 - 2026	Bahagian Komunikasi Kreatif
Penerbitan & percetakan buku	Bilangan	1 judul/setahun	2023 - 2026	Bahagian Korporat

MEMPERKUKUHKAN PENGURUSAN SOKONGAN & TEKNIKAL YANG CEKAP, MESRA & BERTEKNOLOGI TINGGI

Pembangunan dan perancangan koleksi perpustakaan diberi fokus utama bagi memastikan keperluan bahan bacaan dan maklumat pelanggan dipenuhi, serta untuk rujukan generasi masa kini dan akan datang. Polisi pemilihan bahan yang mantap akan menjadi panduan

PPAS juga berperanan sebagai pusat kecermerlangan ilmu dan maklumat negeri Selangor perkhidmatan perpustakaan dan maklumat bagi memenuhi keperluan pelanggan serta penyelidik.

PPAS akan meneruskan pembangunan pembinaan Koleksi Selangor untuk rujukan pembaca umum dan penyelidik.

Kemahiran proses pendokumentasian mengikut standard antarabangsa akan dikekalkan. Pengurusan akan sentiasa mengenalpasti kaedah dan tools terbaik /inovasi bagi mempercepatkan pemprosesan bahan.

Manakala dalam mempertingkat dan mempercepatkan pengurusan dan penggunaan teknologi maklumat, program-program juga dirangka untuk memastikan kelangsungan IT sebagai enabler dalam melaksanakan penyampaian perkhidmatan pelanggan yang berkesan. PPAS juga merancang meneruskan sistem perpustakaan berkomputer sehingga ke peringkat desa serta memanfaatkan sumber ilmu pengetahuan dengan mengenalpasti produk digital atau pangkalan data yang bersesuaian dengan sasaran perpustakaan.

1

Mengukuhkan koleksi bahan perpustakaan yang komprehensif.

2

Meningkatkan kualiti pendokumentasian koleksi perpustakaan berdasarkan standard kebangsaan dan antarabangsa.

3

Mengoptimumkan penggunaan ICT

PELAN
TINDAKAN**STRATEGI 1****MENGUKUHKAN KOLEKSI BAHAN PERPUSTAKAAN
YANG KOMPREHENSIF**

PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (Bilangan/ Peratusan)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
Memperkuatkkan pembangunan koleksi melalui pembelian , berdasarkan peruntukan yang diberi	Naskah 100,000 naskah	100,000 naskah setahun	2022-2026	Pembangunan Koleksi
Penambahan koleksi melalui sumbangan	Naskah	5,000 naskah setahun	2022-2026	Pembangunan Koleksi
Memperluaskan Koleksi e-Book	DigitalPlatform	1 tahun 1 Koleksi	2022-2026	Pembangunan Koleksi / Bahagian Teknologi Maklumat
Menfokus kepada kepelbagaiannya Koleksi				
• Pembelian bahan bacaan dan peralatan untuk golongan berkeperluan khas	Naskah	30 judul/tahun	2023-2024	Pembangunan Koleksi
• Pembelian bahan bacaan dari Honour List Antarabangsa	Naskah	100 judul/tahun	2023-2024	Pembangunan Koleksi
Pembinaan Koleksi Negeri				
• Projek Pengesanan & Pendigitan bahan tesis dari IPTA/IPTS	Jumlah	20 judul setahun	2023-2026	Pembangunan Koleksi/ Teknologi Maklumat
• Pengesanan Bahan Manuskrip	Naskah	1 naskah/tahun	2023-2026	Pembangunan Koleksi/Rujukan
• Pembelian bahan Nadir	Naskah	5 judul	2023-2026	Pembangunan Koleksi/Rujukan
Program				
Membuat kajian tentang keberkesanannya koleksi	Jumlah kajian	100%	2022 – 2026	Pembangunan Koleksi/Korporat
Projek Perpustakaan Tokoh	Jumlah tokoh	3 tokoh/setahun	2022 – 2026	Pembangunan Koleksi/Dokumentasi / Teknologi Maklumat

STRATEGI 2

MENINGKATKAN KUALITI PENDOKUMENTASIAN KOLEKSI PERPUSTAKAAN BERDASARKAN STANDARD KEBANGSAAN DAN ANTARABANGSA

PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (Bilangan/ Peratusan)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
Mengkaji semula polisi pendokumentasian mengikut kesesuaian semasa	Jumlah polisi	1 polisi	2023 –2026	Dokumentasi
Memantapkan kemahiran mengkatalog/mengklas bahan-bahan khas	Masa/ Bilangan	1 tahun sekali	2022 – 2026	Dokumentasi
Pelaksanaan stocktaking	Bilangan / Masa	2 tahun sekali	2026	Dokumentasi
Menaittaraf ruang Kerja bahagian	Masa	1 kali setahun	2024-2025	Dokumentasi

STRATEGI 3

MENGOPTIMUMKAN PENGGUNAAN ICT

PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (Bilangan/ Peratusan)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
Memantapkan pengurusan sistem	Jumlah Sistem			
Menaiktaraf laman web V.2.0 Pembangunan Laman Web Selangor International Bookfair (SIBF) Pembangunan Sistem Perpustakaan Tokohi Pembangunan sistem pinjaman dan pengurusan pinjama desktop dan laptop		100% siap 100% siap 100% siap 9 daerah	2022 2022 2022–2023 2022–2026	Teknologi Maklumat
Mempertingkatkan Perkhidmatan Kepada Pengguna / Kaitangan				
Pinjaman Desktop dan Laptop PERCUMA kepada pengguna Penambahan terminal komputer di daerah	Jumlah Desktop & laptop Jumlah perpustakaan dinaiktaraf		2022–2026 2022–2025	Teknologi Maklumat
Pembangunan Prasarana ICT dan infrastruktur ICT				
Sistem Keselamatan – Pemasangan CCTV & Alat Penggeraii) Perluasan WIFI di Parkir Blok A – Tingkat 4 Perluasan rangkaian internet di Perpustakaan-perpustakaan Di Daerah Sabak Bernam yang tiada infra UNIFI	Jumlah Perpustakaan Bil Projek/Masa Jumlah perpustakaan		2022–2025 2022 2022–2025	Teknologi Maklumat
Program				
Mewujudkan Komuniti Berdasarkan Ilmu				
Menjalankan kursus ICT kepada penggunaaii) Menambah koleksi di platform teknologi yang terkini (ELIB, Overdrive)	Jumlah Kursus Bilangan Koleksi	5 Latihan setahun Mengikut keperluan	2022–2025 2022–2025	Teknologi Maklumat
Pengurusan penyelenggaraan dan pembaikan perkakasan ICT di semua pusat perkhidmatan	Masa	Sepanjang tahun	2023–2025	Teknologi Maklumat
Penggunaan remote connection bagi mempercepatkan prosesii) Memantapkan rekod penyelenggaraan dan pembaikeanii) Mewujudkan audit trail (pembaikean dan sejarah) bagi setiap desktop dan laptop	Masa Bilangan lokasi Masa			Teknologi Maklumat
Penggunaan Fasiliti ICT Dengan Efektif				Teknologi Maklumat
Sistem sewaan dewan Sistem kutipan hasil Sistem pengurusan Kelas Bahasa	1 sistem 1 solusi Jumlah sistem		2023–2025 2022 2021–2022	


3

TERAS STRATEGIK

MENINGKATKAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN PELANGGAN YANG MESRA DAN PROFESIONAL

Penyampaian perkhidmatan pelanggan yang mesra dan profesional akan menjadi tunjang kepada barisan hadapan /(frontliner). Teras ini akan menfokus kepada penambahbaikan fasiliti dan kemudahan serta meneruskan perkhidmatan sedia ada. Akses “reach out” dan door to door akan dimulakan semula.

Teras ini juga akan meneruskan inisiatif dan program-program penyelidikan yang memberi manfaat kepada PPAS. Kemudahan dan persekitaran yang selesa akan diberi keutamaan



PELAN
TINDAKAN

STRATEGI 1

MENAMBAH BAIK PERKHIDMATAN SEMASA

PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (Bilangan/ Peratusan)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
Memantapkan perkhidmatan perpustakaan:				
Meningkatkan jumlah naskhah pinjaman	Bilangan Naskhah	20 naskhah / 1 ahli	2023	Perkhidmatan Perpustakaan Pustaka Raja Tun Uda & Daerah
Mengaktifkan Pinjaman berkelompok kepada perpustakaan institusi / komuniti luar	Bilangan Ahli Institusi	20 institusi/ setahun	2023-2025	Perkhidmatan Perpustakaan Pustaka Raja Tun Uda & Daerah
Mengaktifkan Pinjaman Antara Perpustakaan (Interlibrary Loan - ILL) kepada perpustakaan dalam dan luar negara	Bilangan Pinjaman	12 pemohon/ setahun	2022 - 2026	Perkhidmatan Perpustakaan Pustaka Raja Tun Uda & Daerah
Projek Penyusunan semula susunatur rak	Masa	Dua tahun sekali	2023- 2025	Perkhidmatan Perpustakaan Pustaka Raja Tun Uda & Daerah
Pemurnian Peraturan Perpustakaan	Masa	1 dokumen	2023-2024	Perkhidmatan Perpustakaan Pustaka Raja Tun Uda & Daerah
Outreach pengguna diluar premis	Masa	1 tahun/ 1 program	2023-2026	Perkhidmatan Perpustakaan Pustaka Raja Tun Uda & Daerah
Program				
Memperluaskan Perkhidmatan Bookfy2u	Masa		2022-2026	Perkhidmatan Perpustakaan Pustaka Raja Tun Uda & Daerah
Meningkatkan kualiti barisan hadapan-Program khas petugas frontliner	Jumlah/Masa	Meminimakan aduan/Tidak melebihi 5 aduan mengenai petugas kaunter	2023-2026	Perkhidmatan Perpustakaan Pustaka Raja Tun Uda & Daerah
Memperluaskan promosi Smart Mobile Library- door to door Penstrukturkan lokasi	Jumlah program	9 unit	2023-2026	Gerakan Literasi
Menaik taraf Perkhidmatan Audio Visual	Masa	1 projek	2024	Perkhidmatan Perpustakaan Pustaka Raja Tun Uda & Komunikasi Kreatif

STRATEGI 2

MEMPERLUASKAN CAPAIAN MAKLUMAT

PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (Bilangan/ Peratusan)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
Pempakejan maklumat				
Mengenalpasti skop baru yang belum diterokai	Bilangan	1 tajuk/tahun	2023-2026	Rujukan, Shah Alam Perkhidmatan Daerah
Mempertingkatkan kompetensi Pegawai Rujukan sebagai Information Scientist	Bilangan Kursus	1 kursus/setahun	2023-2026	Rujukan, Shah Alam Perkhidmatan Daerah
Mempromosikan bahan-bahan mengikut tema atau subjek	Bilangan	1 tahun sekali	2023-2026	Perkhidmatan Perpustakaan RATU Daerah Kreatif Komunikasi
Mini Pameran				
Mengalakkan kegiatan penyelidikan dikalangan individu	Bilangan	50 penyelidik	2023-2026	Perkhidmatan Perpustakaan RATU

STRATEGI 3

MEWUJUDKAN PERSEKITARAN YANG KONDUSIF, SANTAI DAN CERIA

PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (Bilangan/ Peratusan)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWA B
Menyediakan fasiliti yang mengutamakan kepuasan pelanggan				
Projek refurbish perabot			2021-2024	Pembangunan
Penyediaan Water dispenseri			2022	Perkhidmatan Pelanggan
Mewujudkan Market place	Masa	Setahun sekali	2022	Pembangunan
Penyediaan Cubicle			2023	Pembangunan
			2022-2026	Pembangunan
Memperluaskan kemudahan penggunaan Dewan diseluruh perkhidmatan re branding	Masa	Jumlah Penggunaan	2022 -2026	Sumber Manusia & Rangkaian
Mempromosikan inisiatif baru				
Studio Rakaman Green Screen Ruang Piano	Jumlah /Masa	3 lokasi	2022-2024	Komunikasi Kreatif

STRATEGI 4

MEMPERLUASKAN KOLABORASI DAN PENGLIBATAN RAKAN STRATEGIK DAN KOMUNITI

PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (Bilangan/ Peratusan)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
Jalinan Kerjasama dengan Agensi/institusi				
Agensi/Institusi /NGO	1 tahun / kerjasama baru	100%		Korporat
Sahabat Perpustakaan/ Sukarelawan	Masa	85% perpustakaan	2025	Perkhidmatan RATU Perkhidmatan Daerah
Pusat Sumber Sekolah	Masa	85% perpustakaan	2026	Rangkaian
Jawatankuasa Perpustakaan Desa	Masa	Setiap desa		

TERAS STRATEGIK

MEMANTAPKAN BUDAYA MEMBACA

Untuk melahirkan masyarakat berilmu pengetahuan (knowledge society) berteraskan amalan membaca dan kadar literasi yang tinggi PPAS menerusi pelaksanaan program galakan membaca yang melibatkan semua lapisan masyarakat dalam pelbagai kategori umur.

Aktiviti tahunan yang selaras dengan perpustakaan lain akan diteruskan seperti Jom Baca Bersama untuk 10 minit, World #QuranHour, Pesta Buku Negeri. Aktiviti yang dirancang di peringkat negeri adalah disasarkan dari seawal usia bayi sehingga kepada warga emas.

PPAS akan menaiktaraf Pesta Buku Negeri Selangor kepada Pesta Buku Antarabangsa (SIBF), dengan penglibatan fellowship jemputan dari luar negara. Selain dari itu, bagi membantu ekonomi masyarakat, PPAS sentiasa bekerjasama dengan pelbagai agensi sama ada di peringkat pusat mahupun negeri serta sebagai penghubung antara pemimpin dan masyarakat.

1

Memperhebat program galakan dan budaya membaca secara meluas

2

Memperkembangkan program keilmuan dan warisan negeri

PELAN TINDAKAN

STRATEGI 1

MEMPERHEBAT PROGRAM GALAKAN DAN BUDAYA MEMBACA SECARA MELUAS

PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (Bilangan/ Peratusan)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
Program galakan membaca peringkat negeria) Jom Baca Bersama 10 Minit	Masa	100,000 penyertaan	2022-2026	Gerakan Literasi
b) World #Quran Hour	Masa	10,000 penyertaan	2022-2026	Gerakan Literasi
Membantu industri buku melalui Pesta-Pesta Buku				
a) Pesta Buku Antarabangsa Selangor / Selangor International Book Fair	Jumlah	200,000 pengunjung & >	2022-2026	Gerakan LiterasiKorporat
b) Pesta Buku Kanak-Kanak	Jumlah	50,000 penyertaan	2022-2026	Gerakan LiterasiKorporat
c) Pesta Buku di Daerah	Bilangan	2 daerah/tahun	2023-2025	Gerakan Literasi
d) Bazaar Buku	Bilangan	1 tahun sekali	2022-2026	Gerakan Literasi
Membantu ekonomi masyarakat • Car boot Sale	Bilangan	1 tahun sekali	2022-2026	Gerakan Literasi
Program				
Penyeragaman program galakguna perpustakaan - Karnival Mini Cuti Pepersekolahan	Jumlah program	4 program/ pakej Perpustakaan RATU & Daerah re-branding	2023-2025	Gerakan Literasi
Mempergiat program pembudayaan bahasa Language Discovery	Masa / Jumlah	10-15 bahasa setahun	2022-2025	Gerakan Literasi
Program kolaborasi bersama:				
a) Jabatan / agensi b) Bersama GLCs c) NGO	Jumlah	5 kolaborasi setahun	2022-2025	
Promosi Pesta Buku Antarabangsa Selangor i)Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur ii)Pesta Buku Antarabangsa luar negara	Kekerapan Jumlah	1 tahun sekali 1 negara	2022-2025	Gerakan Literasi

STRATEGI 2

MEMPERKEMBANGKAN PROGRAM KEILMUAN DAN WARISAN NEGERI

PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (Bilangan/ Peratusan)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
Perkongsian amalan terbaik dari Pesta Buku Negeri-negeri	Jumlah	10 Pesta Buku/Tahun	2022 - 2025	Pengurusan Sumber Manusia Gerakan Literasi
Pelaksanaan Webinar atas talian/fizikal Contoh : Falsafah, Sejarah, Kebudayaan	Jumlah	5 Webinar/Tahun	2022-2025	Gerakan Literasi
Memperluas Program bersama Sasterawan & Karyawan	Jumlah	5 Webinar/Tahun	2022 -2025	Gerakan Literasi Korporat
Pelancaran Buku	Jumlah	5 Webinar/Tahun	2022-2025	Gerakan Literasi Korporat



ISU DAN CABARAN

KEPENTINGAN ILMU DAN MEMBACA

Mewujudkan masyarakat berpengetahuan K-Society atau masyarakat membaca merupakan satu cabaran yang besar.

Ditambah dengan tahap jangkaan masyarakat dalam mengekalkan kerelevan perpustakaan turut menjadi isu utama.

Usaha-usaha membudayakan ilmu dan pembelajaran sepanjang hayat perlu diberi keutamaan sepenuhnya.

EKSPEKTASI STAKEHOLDERS DAN PELANGGAN YANG TINGGI TERHADAP SISTEM PENYAMPAIAN KERAJAAN

PPAS perlu memenuhi kehendak pelanggan dan bergerak seiring dengan visi dan misi kerajaan negeri.- iaitu perlu menjadi agensi negeri yang berfokus kepada pelanggan atau customer-centric, selari dengan peredaran masa dan sejajar dengan ekspektasi pelanggan.

Menjadikan perpustakaan sebagai saingan kepada pusat-pusat siber, kompleks membeli belah dan pusat hiburan yang sering dikunjungi oleh para remaja.

PEMANTAPAN MODAL INSAN – ASAS PENTING DALAM PEMBANGUNAN ORGANISASI

PPAS memberi penekanan kepada aspek pembangunan modal insan ataupun sumber manusia di lihat sebagai antara aspek yang penting untuk memastikan kelangsungan dan keberkesanan organisasi dalam mencapai objektif yang disasarkan.

Penekanan kepada aspek modal insan adalah selaras dengan fokus kerajaan negeri. Kita perlu mempunyai sifat empati, iaitu semangat merasai denyutan nadi kesusahan dan keperitan kehidupan orang lain.

CABARAN INTERNET

PPAS merasa semakin mencabar selari dengan perubahan persekitaran yang begitu pantas, terutama sekali penggunaan ICT multimedia.

Dengan wujudnya kemudahan internet, rangkaian media sosial, menjadikan maklumat boleh diperolehi dengan lebih pantas tanpa berkunjung ke perpustakaan.

Justeru itu, PPAS perlu kekal relevan untuk bersaing dengan gajet teknologi semasa.

PENGGUNAAN ICT SEBAGAI “ENABLER” BAGI PENINGKATAN KEBERKESAN PERKHIDMATAN.

Penekanan adalah kepada meningkatkan tahap penggunaan aplikasi ICT dalam pentadbiran kerajaan negeri. ICT dilihat sebagai satu alat “enabler” yang sangat membantu dalam meningkatkan lagi keberkesanannya sistem penyampaian kerajaan.

Di samping itu, usaha mengurangkan jurang digital antara kawasan bandar dan luar bandar juga perlu diberi perhatian kerana usaha kerajaan memperkenalkan pelbagai aplikasi kerajaan elektronik tidak akan dapat di manfaatkan oleh masyarakat luar bandar sekiranya capaian internet dan pembangunan ICT tidak merangkumi kawasan luar bandar.

Tanpa bajet yang mencukupi, PPAS tidak dapat melengkapkan infrastruktur sehingga ke perpustakaan desa.

PERUNTUKAN KEWANGAN YANG TERHAD

Sentiasa menjadikannya perpustakaan sebagai salah satu agensi yang terpaksa bersaing dengan kepentingan jabatan lain.

PPAS memerlukan sokongan stakeholder bagi mengekalkan perkhidmatan pelanggan , tambahan peruntukan amat diperlukan bagi menjadikan perpustakaan terus relevan dan menjadikan ilmu sebagai aset pembangunan modal insan yang sangat perlu diberi keutamaan.

ELEMEN PENENTU KEJAYAAN

Bagi memastikan sasaran visi dan misi organisasi dapat dicapai, beberapa elemen utama dikenalpasti yang merupakan utama kepada kejayaan PPAS.

Pembangunan Modal Insan Yang Berkesan

Aspek pembangunan modal insan merupakan satu eleman utama dalam agenda pengurusan perubahan.

Untuk melakukan sebarang perubahan dalam sesebuah organisasi, modal insan perlu dipersiapkan untuk bersedia bagi menerima perubahan dan melakukan perubahan tersebut.

Ketinggian ilmu pengetahuan merupakan ukuran yang sangat penting dalam membezakan antara kemajuan dan kemunduran bagi sesuatu bangsa dan negara

Komitmen Pimpinan Atasan

Keprihatian pengurusan atasan memberikan impak yang begitu besar di dalam sebarang perancangan.

Komitmen yang tinggi mampu memberikan hala tuju yang jelas kepada warga kerja untuk mencapai Visi dan Misi PPAS.

Mereka juga mampu membawa perubahan atau transformasi di dalam organisasi dan seterusnya mewujudkan satu budaya kerja berteraskan kecemerlangan.

Pembudayaan Kualiti Dalam Organisasi

Untuk menjadi sebuah organisasi yang cekap dan berkesan , penerapan budaya kerja berkualiti dan berintegriti merupakan satu aspek yang amat penting.

Sekiranya anggota organisasi telah diterapkan dengan budaya berkenaan, sebarang usaha penambahbaikan akan dapat dilaksanakan dengan mudah.

Pembangunan Kemahiran /skil

Warga kerja merupakan aset utama PPAS. Oleh yang demikian, bekalan kemahiran skil dalam bidang “core business” dan lain-lain perlu cukup bagi melahirkan pekerja cemerlang dalam “multi tasking”

Tumpuan akan diberikan kepada peningkatan ilmu dan kepakaran modal insan melalui program pembangunan kompetensi yang sesuai dalam bidang-bidang kritikal dan strategik.

SUMBER

yang mencukupi baik dari segi peruntukan amat diperlukan dalam menjenama semula PPAS mencapai matlamatnya.

KOMITMEN

dan sokongan stakeholder serta pelanggan merupakan antara faktor kejayaan, tanpa teguran , aduan, cadangan maklumbalas pelanggan, jabatan tidak mampu membuat sebarang penambahbaikan.

KAJIAN SEMULA & PEMANTAUAN

Strategi dan pelan tindakan yang telah ditetapkan di PPAS ini telah dirangka untuk pencapaian dalam tempoh 5 tahun iaitu 2022 sehingga 2026. Tempoh pelaksanaan selama 5 tahun ini difikirkan sebagai satu tempoh yang sesuai dan mencukupi bagi organisasi mencapai apa yang telah dirancangkan.

- Harapan PPAS Menjelang akhir tahun 2025, jika diizinkan, Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) akan berusaha menjadi hub ilmu untuk pembangunan modal insan, mempunyai koleksi yang lengkap dan komprehensif , perkhidmatan pelanggan yang sentiasa bersedia, tumpuan penyelidik dalam dan luar negeri, pemodenan ICT, perkhidmatan pelanggan seluruh negeri Selangor yang selesa, tadbir urus organisasi cekap, pengurusan sumber manusia yang mementingkan kebajikan dan kesejahteraan warga kerja, dan dengan ini secara tidak langsung, menjadikan PPAS sebagai “best practice” kepada lain-lain jabatan/ agensi di negeri Selangor dalam aspek penyampaian perkhidmatan.
- Bagi memastikan setiap Bahagian di PPAS memainkan peranan dan tanggungjawab masing-masing dalam jangka masa 4 (empat) tahun ini, strategi dan pelan tindakan di dalam pelan ini akan di pantau dan kajian semula akan dilaksanakan mengikut perancangan seperti di Jadual 1. Penilaian pencapaian Pelan Strategik ini akan dijalankan pada setiap dua (2) tahun.
- Untuk menentukan keberkesanan pelaksanaan objektif strategik, strategi, program dan tahap penyampaian sasaran prestasi yang ditetapkan, satu kajian semula Pelan Strategik dan kajian keberkesanan akan dibuat pada 2024.

- Kajian tersebut akan turut mengambil kira senario baru perubahan persekitaran dan tumpuan strategik mengikut jadual perancangan seperti berikut :

BIL	PERKARA	TARIKH CADANGAN
1.	Penggubalan PS/PPAS	Ogos 2021
2	Penilaian Pencapaian Pertama	Jun 2023
3	Kajian Semula Pelan Strategik	Jun 2025
4	Penilaian Pencapaian Kedua	Jun 2024

- Jawatankuasa khas amat diperlukan bagi memantapkan lagi tadbir urus dan memastikan pelaksanaan Pelan Strategik ini berjalan dengan berkesan. Jawatankuasa ini akan dinamakan Jawatankuasa Khas Pelaksanaan PSPPAS 2022-2026. Berikut adalah struktur dan keahlian jawatankuasa tersebut :-

JAWATAN	KEAHLIAN
Pengerusi	Pengarah
Timbalan Pengerusi	Pustakawan S52
Setiausaha	Ketua Bahagian Khidmat Pengurusan
Ahli-ahli	Semua Ketua Bahagian

- Tugas utama Jawatankuasa Khas Pelaksanaan adalah penyelaras utama di dalam pemantauan, penilaian dan kajian semula Pelan Strategik Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor berdasarkan kepada pengukuran dan pelan tindakan yang telah ditetapkan.
- Sehubungan dengan itu, kejayaan pelaksanaan Pelan Strategik PPAS (2022-2026) adalah bergantung kepada kaedah pelaksanaan dan sistem pemantauan yang mantap seperti mana yang telah digariskan dalam mekanisme pelaksanaan.
- Pemantauan akan diadakan secara berkala dan penambahbaikan akan dibuat daripada semasa ke semasa agar sasaran yang telah digariskan tercapai.

Oleh itu, dengan berbekalkan keazaman dan komitmen yang tinggi yang dimiliki oleh setiap warga kerja PPAS, ke semua hasrat seperti yang disebutkan di atas adalah kerana kita mahu masa hadapan yang lebih baik bukan sahaja untuk diri sendiri akan tetapi juga untuk keluarga, masyarakat dan negara.

Kita memasang niat dan memperkuuhkan tekad untuk menjadi yang terbaik.

PENUTUP

Pelan Perancangan Strategik Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) 2022 – 2026 ini dirangka bagi memberikan hala tuju dan fokus kepada setiap warga kerja PPAS bagi mencapai matlamat untuk menjadi organisasi yang terbaik dalam sistem penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan. Untuk sukses, segala-galanya bermula dengan perancangan yang sistematik, kejuran, ketelusan dalam apa saja niat yang hendak dicapai agar ia dapat dilaksanakan dengan mudah, teratur dan dalam tempoh yang ditetapkan.

Tanpa ciri-ciri tersebut, kita akan berhadapan dengan risiko luar jangka yang menyebabkan kegagalan. Pelan strategik ini diharap dapat digunakan untuk sebagai panduan hala tuju kepada PPAS.

Pelbagai strategi dan program telah dirangka di dalam pelan strategi ini bagi membolehkan setiap anggota PPAS memainkan peranan masing-masing mengikut strategi yang telah ditetapkan dan sedar akan tanggungjawab besar yang dipikul untuk memajukan negeri secara khususnya.

Bagi melaksanakan segala perancangan ini, apa yang paling utama adalah komitmen. Komitmen yang tinggi diperlukan di samping bersedia dari segi fizikal, mental dan spiritual. Oleh yang demikian kita semua bertanggungjawab untuk memastikan ke empat-empat Strategi Teras yang digariskan di dalam pelan strategik ini berjaya.

Empat strategi teras yang menjadi keutamaan pentadbiran ini ialah memperkuuhkan pengurusan dan organisasi melalui tadbir urus yang baik dan cekap, memperkuuhkan pengurusan sokongan & teknikal yang cekap, mesra & berteknologi tinggi, meningkatkan penyampaian perkhidmatan pelanggan yang mesra dan profesional & memantapkan budaya membaca.

Setiap manusia perlukan lima perkara dalam kehidupan iaitu kewangan, pekerjaan, keluarga, kesihatan dan kerohanian.

Sehubungan dengan itu, tagline Transformasi Peprustakaan, Transfomasi Masyarakat adalah sangat relevan. Untuk meralisasikan hasrat ini, perpustakaan perlu menjadi rumah kedua yang selesa dan kondusif, Kedua, perpustakaan sebagai pusat pembelajaran, ketiga sebagai tempat perjumpaan, keempat sebagai pusat rekreasi dan yang kelima sebagai pusat pembangunan modal insan.

Kita memasang niat dan memperkuuhkan tekad untuk menjadi yang terbaik untuk mencari kebahagiaan.

Syabas